

# Pendaftaran biometrik

KOSMO 4/7/2011 Ms H.

**KUALA LUMPUR** - Program Pendaftaran Biometrik Pekerja Asing yang sah bermula semalam dan berjalan lancar di Jabatan Imigresen seluruh negara.


Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN), Tan Sri Mahmood Adam berkata, program yang akan berlangsung selama dua minggu itu memberi keutamaan kepada syarikat-syarikat besar yang mempunyai jumlah pekerja melebihi 500 orang mendaftar awal.

"Dengan biometrik ini, Jabatan Imigresen berupaya mengenal pasti dengan tepat pekerja asing yang sah dan yang telah lari daripada majikan termasuk mereka yang telah membuang dokumen pengenalan diri sedia ada dan menukar dengan dokumen baharu dengan identiti yang berbeza.

"Melalui teknologi ini, kita dapat mengumpulkan semua maklumat mengenai setiap individu termasuk gambar, geometri muka dan tangan, ukuran iris mata atau cap jari dan maklumat lain yang biasanya terkandung dalam teknologi ini termasuk nama penuh, nama ibu bapa, alamat, pekerjaan, kerakyatan dan jenis darah individu tersebut," katanya ketika dihubungi semalam.

Program pendaftaran biometrik akan berlangsung sehingga 31 Julai ini.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Datuk Seri Mohd. Bakri Mohd. Zinin berkata, ketidaksamaan data yang disimpan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen melalui pendaftaran biome-



**PEGAWAI** Jabatan Imigresen merekodkan pendaftaran biometrik pekerja asing yang sah di Jabatan Imigresen Putrajaya semalam.

trik seperti yang dilaporkan tidak perlu dijadikan isu besar.

Beliau berkata, PDRM masih mempunyai masa untuk berbincang dengan Jabatan Imigresen mengenai penyimpanan data-data melalui kaedah biometrik itu dan menilai keberkesanan sistem tersebut.

"Laporan bahawa pangkalan data kita (PDRM) dan Jabatan Imigresen tak terangkai itu seolah-olah macam kita tak bekerjasama antara satu sama lain. Kita masih di bawah satu kementerian, masih ada ruang untuk kita berbincang tentang kaedah terbaik

tentang hal ini," katanya lagi.

Beliau berkata, pihak media tidak sepatutnya menggambar-gemburkan isu itu sebaliknya melihat peralatan atau kemudahan yang digunakan PDRM untuk merekod cap jari melalui Sistem Identifikasi Cap Jari Biometrik (Biofis), sesuatu yang harus dibanggakan.

Katanya, Biofis yang dapat mengenal pasti suspek kes jenayah, dilihat satu sistem yang bagus dan dapat membantu agensi-agensi penguatkuasaan berkaitan hal keselamatan.

- Bernama